



Konflik Memuncak AS-Iran

DUNIA melangkah ke tahun 2020 dengan ketegangan yang serius. Hal ini dilihat akan terus menggugat keamanan dan kestabilan global. Suhu ketegangan Amerika Syarikat (AS)-Iran dan rantau Timur Tengah semakin memburuk.

Presiden AS ke-45, Donald Trump, yang memasuki tahun akhir pentadbiran penggal pertama, menurut media negara itu, telah mencipta cara tersendiri yang sukar dibaca – “cara Trump” (*Trump way*) – dalam pelbagai isu dan aspek sepanjang mengemudi negara kuasa besar itu. Billionair hartanah yang menjadi presiden ini, bukan sahaja mengejutkan AS malah dunia untuk sepanjang tiga tahun yang lalu. Beliau kini berhadapan dengan tindakan pemecatan dari Rumah Putih ekoran isu menjana sokongan Ukraine agar menyanas bekas Naib Presiden, Joe Biden, dan anaknya sebagai tawaran bantuan dari Washington. Biden dilihat antara bakal calon Parti Demokrat yang akan mencabar Trump pada November ini.

Trump telah menzahirkan hasrat mahu bertanding untuk mengekalkan jawatannya buat penggal kedua. Setahun menjelang pemilihan akhir tahun ini, Kongres telah meluluskan usul untuk memecat beliau daripada jawatan presiden. Sementara proses pemecatan kini pada peringkat senat yang dikuasai Republikan, Trump mengambil tindakan yang dilihat menggugat kestabilan dunia apabila mengarahkan serangan yang membawa kepada kematian pegawai tertinggi keselamatan dan komander perisikan Iran, Qasem Soleimani. Qasem ialah Komander Kanan Tentera Quds, cabang operasi asing Pengawal Revolusi Iran. Serangan pada pagi 3 Januari lalu dilancarkan di Baghdad, Iraq, jiran Iran, yang berhadapan dengan demonstrasi

antikerajaan, termasuk yang terbaru melibatkan kompleks kedutaan AS, ketika Qasem berada dalam kenderaan bersama-sama beberapa orang pegawainya. Pentadbiran Trump mendakwa Qasem dan proksinya bertanggungjawab bagi 11 serangan dalam dua bulan termasuk yang terbaru pada 29 Disember 2019.

Qasem dijadualkan untuk bertemu dengan Perdana Menteri Iraq, Adil Abdul Mahdi, pada pagi serangan maut itu berlaku. Adil berkata, Qasem sepatutnya membawa pesanan Iran "sebagai respons kepada mesej Arab Saudi yang kami bawa ke Iran dalam usaha mencapai persetujuan penting dan situasi berkaitan di Iraq dan rantau ini". Adil juga berkata bahawa dia optimistik selepas mengadakan satu lawatan ke Arab Saudi pada September 2019, bahawa Iraq bercadang untuk mengadakan satu dialog antara Riyadh dengan Tehran dalam usaha meredakan ketegangan serantau, lebih-lebih lagi selepas insiden serangan ke atas kemudahan minyak di Arab Saudi. Serangan itu telah meningkatkan ketegangan antara Iran, AS dan Arab Saudi.

Dalam satu ciapan sehari selepas serangan pada 3 Januari lalu, Trump berkata, jika Iran menyerang mana-mana rakyat AS atau aset AS, pihaknya sudah pun menyasarkan 52 lokasi di Iran. Ancaman ini dilihat merujuk jumlah rakyat AS yang dijadikan tawanan semasa peristiwa Revolusi 1979. "Sekiranya mereka menyerang kami, kami akan melawan balik. Jika mereka menyerang lagi, saya akan menasihatkan mereka supaya tidak melakukannya, kami akan bertindak dengan lebih keras daripada yang pernah mereka hadapi sebelum ini!" tulis Trump.

Hossein Dehghan, penasihat ketenteraan utama kepada pemimpin tertinggi Iran Ayatollah Khamenei berkata, kenyataan Trump itu "tidak masuk akal dan mengarut". Tegas beliau, "Iran akan menjadi

tentera dan menentang tapak ketenteraan". Sekiranya AS dan Trump mahu menyerang mana-mana tapak kebudayaan Iran, maka pasti tiada kakitangan tentera AS, tiada pusat politik AS, tiada pangkalan ketenteraan AS dan tiada kapal AS yang akan selamat. Jika dia berkata 52 serangan, kami katakan 300 serangan," kata Hossein.

Kolumnis CNN, Michael D'Antonio, merumuskan Trump sebagai Presiden AS yang bercakap tentang sesuatu dan melakukan sesuatu yang lain, sering mengetengahkan elemen yang menakutkan manusia - pencerobohan, tribalisme, ketakutan dan kemarahan, dan pada masa yang sama tidak berminat untuk menggunakan naluri lebih tinggi apabila bertindak. Katanya lagi, Trump memperlihatkan minat yang sedikit untuk membina keamanan. Tulisannya menggambarkan krisis ketenteraan, mungkin juga peperangan yang sangat sesuai dengan pandangan Trump bahawa manusia adalah "ganas" dan "hidup adalah satu siri pertempuran".

Tindakan Trump bukan sahaja mengundang kritikan dan kebimbangan dunia, malah beliau berhadapan dengan kecaman dalam negara sendiri. Kongres yang dikuasai anggota Parti Demokrat tidak bersetuju dengan arahan serangan Trump selaku presiden terhadap Qasem di Iraq. Mereka terkejut dan kecewa kerana tidak dimaklumkan secara formal mengenai tindakan itu. Trump juga dikritik kerana tidak memberikan butiran konkrit bagi menyokong dakwaannya bahawa serangan itu perlu untuk menghalang sebarang strategi berbahaya oleh pasukan Iran dan Qasem terhadap kepentingan AS. Oleh itu, ramai berasa curiga dengan keputusan Trump.

Rakyat AS dan dunia tidak mahu kesilapan yang membawa kepada serangan ke atas Iraq pada tahun 2003 berulang. Satu dekad selepas

Saddam Hussein digulingkan, dunia mengetahui punca sebenar Iraq diceroboh oleh AS dan sekutunya. Setiausaha Negara, Mike Pompeo membayangkan bahawa Iran akan cuba menyerang tentera AS ekoran serangan yang mengorbankan Qasem. Iran mendakwa tindakan itu satu pembunuhan. Trump mendakwa sebaliknya. "Kami percaya wujud kemungkinan besar Iran akan membuat kesilapan dan memutuskan untuk menyerang tentera kita, tentera di Iraq atau tentera di selatan Syria," katanya. "Satu kesilapan besar untuk Iran menyerang mereka (tentera AS)," kata Pompeo. AS mempunyai sekitar 60 ribu orang anggota tentera di rantau Timur Tengah, termasuk 5200 orang tentera di Iraq. Ketua Hezbollah, di Lubnan yang disokong Iran turut mengumumkan bahawa tentera AS akan menjadi sasaran ekoran pembunuhan Qasem. Marah dengan serangan dron AS itu, Parlimen Iraq mendesak kerajaan menamatkan kehadiran tentera yang diketuai AS. Iraq mahu tentera AS diusir - keputusan yang mencetuskan kemarahan pentadbiran Trump dan memberi kata dua supaya hal itu dikaji balik.

Banyak pihak melihat serangan unilateral Trump dan kematian Qasem akan mencetuskan perang baharu di Timur Tengah. Anak perempuan Qasem memberi amaran bahawa kematian bapanya akan menyebabkan lebih banyak kebangkitan dan akan membawa masa hadapan yang lebih gelap untuk AS dan Israel. Bercakap di hadapan orang ramai semasa perarakan pengebumian ayahnya di Universiti Tehran, Zeinab Soleimani berkata, rancangan jahat Trump untuk melakukan pemisahan antara dua buah negara Iraq dengan Iran dengan membunuh Qasem telah gagal.

Pada Februari 2019, Iran menyambut ulang tahun ke-40 revolusi yang ada kaitannya dengan hubungan dingin dengan AS termasuk peristiwa tahanan

tebusan warga Amerika selama 444 hari. Perang dingin Iran-AS tidak pernah padam. Pada 1 Februari pada setiap tahun, perayaan *Dabe-ye-Fajr* bermula di Iran menandakan ulang tahun kepulangan Pemimping Agung Ayatollah Khomeini selepas pemerintah pro-Barat meninggalkan Iran susulan demonstrasi besar-besaran. Perayaan itu menandakan kejatuhan monarki Iran selama 2500 tahun.

Kebimbangan dunia terhadap krisis AS dan Iran semakin berterusan. Hal ini dijangka akan membawa impak yang besar terhadap landskap politik dan ekonomi dunia, serta memberi kesan ke atas rantau ini termasuk Malaysia sebagaimana yang sedang dialami ekoran perang perdagangan antara AS dengan China. Ringkasnya, kitaran keamanan dan kestabilan yang tidak menentu terutama di Timur Tengah kini kembali. Yang pasti, hal ini akan menambah rumitkan ekonomi dunia.

Kronologi Hubungan Dingin AS-IRAN

- 1953:** Agensi risikan AS dan British terlibat dalam penggulingan Perdana Menteri Iran, Mohammad Mossadeq, yang dilantik secara demokratik.
- 1957:** AS dan Iran menandatangani perjanjian kerjasama nuklear awam di bawah program *Atoms for Peace*.
- 1968:** Iran menandatangani Perjanjian Ketakcambahan Senjata Nuklear yang diratifikasi pada tahun 1970. Dengan itu, Iran dibenarkan mengekalkan program nuklear awam.
- 1972:** Presiden AS, Richard Nixon, mengunjungi Shah, meminta beliau memberikan jaminan terhadap kepentingan keselamatan AS di rantau Timur Tengah dan akan

mbolehkan Teheran membeli apa-apa juga sistem pertahanan yang diperlukan.

- 1979:** Revolusi Iran-Shah Iran disokong AS Mohammed Reza Pahlevi dipaksa meninggalkan negara susulan demonstrasi. Pemimpin Agung Ayatollah Khomeini kembali daripada pembuangan dan Republik Iran diisytiharkan pada 1 April.
- 1979-1981:** Krisis tebusan di Kedutaan AS di Teheran - rakyat AS dijadikan tebusan dan ditahan selama 444 hari. 52 orang tebusan terakhir dibebaskan pada Januari 1981.
- 1985-1986:** Skandal Iran-Contra-AS secara sulit menghantar senjata ke Iran sebagai pertukaran atas kerjasama Teheran dengan membebaskan tebusan yang ditahan militan Hezbollah di Lubnan. Hasil keuntungan secara haram disalurkan kepada pemberontak di Nicaragua.
- 1980-1988:** Perang Iran-Iraq. Pentabiran Ronald Reagan menyediakan Baghdad dengan kemudahan risikan dan sumber pertahanan.
- 1988:** Kapal perang AS USS Vincennes menembak jatuh pesawat penumpang Iran di Teluk pada 3 Julai, membunuh kesemua 290 orang. Kebanyakan mangsa ialah jemaah haji Iran yang dalam perjalanan ke Mekah.
- 2002:** Presiden George Bush, dalam ucapan tahunan pertama selepas peristiwa 11 September 2001, melabel Iran sebagai sebahagian daripada "paksi kejahatan", selain Iraq dan Korea Utara. Hal ini menimbulkan kemarahan Iran.
- 2002:** Kumpulan penentang Iran mendedahkan Teheran sedang membangunkan kemudahan nuklear termasuk loji pengayaan uranium.
- 2013:** Presiden Iran, Hassan Rouhani dan Presiden Barack Obama berbual melalui telefon pada bulan September, yang pertama dalam tempoh 30 tahun.
- 2015:** Iran bersetuju untuk menandatangani perjanjian jangka panjang berkenaan program nuklear bersama kuasa dunia - P5+1, iaitu AS, UK, Perancis, China, Rusia dan Jerman.
- 2018:** Presiden AS, Donald Trump mengetepikan perjanjian nuklear dan disusuli dengan sekatan ekonomi terhadap Iran.
- 2019:** Iran menyambut ulangtahun ke-40 revolusi.
- 2019:** Hubungan AS dengan Iran merosot pada Mei selepas AS mengenakan sekatan ekonomi terhadap eksport minyak. Kejadian letupan melibatkan enam buah kapal tangki minyak dilaporkan di Teluk Oman pada Mei dan Jun. AS menuduh Iran sebagai pihak yang bertanggungjawab.
- 2019:** Pada 20 Jun, tentera udara Iran menembak jatuh dron tentera AS di Selat Hormuz.
- 2019:** AS menuduh Iran ada kaitan dalam serangan 14 September ke atas dua buah loji pengeluaran minyak mentah terbesar di Arab Saudi - insiden terbesar pernah direkodkan.
- 2020:** Jeneral Iran, Qasem Soleimani, terbunuh dalam serangan dron AS di Baghdad. Ketegangan hubungan AS-Iran kembali meningkat. ▣